

04 DEC 1996

SEBANYAK 144 KES KEGANASAN DILAPORKAN SEJAK DVA BERKUATKUASA

KUALA LUMPUR, 4 Dis (Bernama) -- Sebanyak 144 kes keganasan rumahtangga dilaporkan sejak Akta Keganasan Rumahtangga (DVA) berkuatkuasa Jun lepas dan dua daripada mangsa kes adalah lelaki, kata Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datin Paduka Zaleha Ismail.

Beliau berkata, jumlah kes itu adalah yang dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan lebih 400 kes keganasan rumahtangga juga telah dilaporkan kepada polis.

Kebanyakan kes itu berlaku di bandar-bandar besar, katanya pada persidangan akhbar di sini hari ini.

Beliau berkata, daripada jumlah itu sebanyak 24 mangsa telah memohon perintah perlindungan sementara (IPO) dari mahkamah, 21 mangsa diberi perlindungan di tempat selamat, 12 kes dirujuk ke pejabat kadi, 86 kes diberi kaunseling, lima kes disuruh tinggal berasingan manakala satu kes membabitkan masalah berebut harta.

Beliau berkata, Kuala Lumpur mempunyai bilangan kes terbanyak dengan 46 kes dan diikuti oleh Selangor (42), Pulau Pinang (18) dan Kedah (10) manakala negeri-negeri lain kurang daripada lima kes.

Bagi permohonan IPO pula, beliau berkata Selangor mempunyai kes terbanyak dengan 10 kes diikuti Kuala Lumpur dengan tujuh kes, Pulau Pinang sebanyak empat kes dan Melaka sebanyak tiga kes.

Zaleha menjelaskan objektif utama Akta itu ialah untuk mendamaikan sesebuah keluarga yang bermasalah agar tidak berlarutan.

Ditanya mengenai bentuk tindakan yang boleh diambil terhadap mereka yang melakukan keganasan rumahtangga, beliau berkata hukuman lebih berat boleh dilaksanakan jika mangsa meminta pendakwaan dijalankan mengikut Kanun Keseksaaan.

Mengenai Mesyuarat kelima Menteri-Menteri Komanwel Yang Bertanggungjawab Mengenai Hal Ehwal Wanita di Trinidad and Tobago minggu lepas, beliau berkata Malaysia akan bertindak mengikut Pelan Tindakan yang dicadangkan pada mesyuarat itu.

Beliau berkata, Malaysia akan mencari cara yang bersesuaian dengan budaya masyarakat negara ini dalam melaksanakan lima agenda dalam pelan tindakan itu yang berkaitan dengan pembangunan wanita dalam politik dan hak asasi wanita.

Katanya, Malaysia yakin mampu melaksanakan pelan tindakan itu kerana negara ini mendapat sokongan daripada semua peringkat dalam membangunkan wanitanya terutama daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Antara langkah yang akan diambil ialah memperkukuhkan institusi kekeluargaan, kesihatan, pendidikan dan latihan, lebih bekerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan dan aspek lain seperti membantu lebih ramai wanita menceburi bidang ekonomi.

Beliau juga berkata kebanyakan daripada 145 negara yang menghadiri mesyuarat itu kagum dengan pencapaian negara terutama daripada segi keupayaan politik serta jumlah peruntukan yang diberikan untuk tujuan itu.

-- BERNAMA

RHM NMO